

Pertandingan Video Pendek #MyDuitStory Terma dan Syarat

1. Pengenalan

Pertandingan Video Pendek #MyDuitStory 2 (Pertandingan) merupakan inisiatif pendidikan kewangan Financial Education Network (FEN)¹ dengan kerjasama Life Insurance Association of Malaysia (LIAM), Malaysian Takaful Association (MTA) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM). Pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perlindungan insurans dan takaful untuk pengurusan risiko kewangan peribadi dalam kalangan generasi muda.

2. Kelayakan

Pertandingan ini terbuka kepada semua mahasiswa warganegara Malaysia (Mahasiswa) pada peringkat sarjana muda di universiti yang tersenarai dan Institut Pendidikan Guru (sila rujuk perkara 13 di bawah).

3. Pendaftaran

- a) Mahasiswa boleh menghantar penyertaan secara individu ATAU berkumpulan yang tidak melebihi 4 orang ahli (termasuk Ketua Kumpulan tetapi tidak termasuk pelakon).
- b) Mahasiswa dikehendaki mendaftarkan penyertaan di <https://myduitstory.my/> dengan memberi maklumat berikut:
 - i. Nama (Individu/Ketua Kumpulan), alamat e-mel, nombor telefon, dan nama universiti yang diwakili oleh Individu/Ketua Kumpulan.
 - ii. Setelah mendaftar, Individu/Ketua Kumpulan akan menerima e-mel pengesahan termasuk:
 - ✓ pautan ke Google Form untuk Individu/Ketua Kumpulan mengisi butiran Pensyarah dan Pasukan, jika berkenaan.
 - ✓ pautan Facebook kepada Taklimat Secara Dalam Talian oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan wakil daripada industri Insurans/Takaful.
- c) Ahli Kumpulan boleh terdiri daripada pelajar dari universiti yang sama atau berbeza.
- d) Hanya universiti yang didaftarkan di Google Form layak untuk kategori hadiah 'Universiti Dengan Penyertaan Tertinggi'.
- e) Pihak Penganjur berhak mengesahkan status Mahasiswa
- f) Mahasiswa boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, tetapi hanya satu sahaja yang akan dipertimbangkan ke pusingan akhir

¹ FEN terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad.

4. Tarikh Penting

- a) Pendaftaran: 16 November 2021 hingga 15 Januari 2022.
- b) Taklimat secara dalam talian melalui Facebook Live: 26 November 2021.
 - i. FINAS - mengenai penghasilan video yang menarik dan nuansa budaya
 - ii. Industri Insurans/Takaful - mengenai pengurusan risiko kewangan peribadi
- c) Penghantaran video: 16 Januari 2022 - 31 Januari 2022

5. Penghantaran Video

- a) Mahasiswa hendaklah memuat naik video berkenaan di akaun YouTube masing-masing dan memastikan bahawa video tersebut ditetapkan sebagai "Peribadi".
- b) Mahasiswa menjemput myduitstory.my@gmail.com untuk menonton video YouTube berkenaan.
- c) Video yang dimuat naik hendaklah disertakan dengan tajuk dan sinopsis ringkas tidak melebihi 300 patah perkataan (dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu).
- d) Mahasiswa dikehendaki menghantar e-mel ke myduitstory.my@gmail.com dengan maklumat berikut:
 - i. E-mel dengan Subjek: #MyDuitStory2 Penyerahan I Individu>Nama Kumpulan I Universiti (Wajib)
 - ii. Pautan video YouTube anda.
 - iii. Tajuk video anda dan Topik yang dipilih.

6. Topik

Mahasiswa dikehendaki untuk mencipta video yang memberi inspirasi dan pendidikan berkaitan dengan pengurusan risiko kewangan peribadi yang meliputi bidang, seperti berikut:

Jadual: Pengurusan Risiko Kewangan Peribadi

No.	Bidang	Contoh
i.	Gaya hidup	<ul style="list-style-type: none">• Kenali jenis risiko kewangan yang boleh dikaitkan dalam kehidupan peribadi dan gaya hidup seseorang.• Menilai risiko kewangan yang terhasil daripada keputusan peribadi dan pilihan hidup, serta kesannya terhadap kesejahteraan kewangan peribadi seseorang.
ii.	Risiko	<ul style="list-style-type: none">• Menyedari bahawa sesetengah risiko, jika menjadi kenyataan, mungkin mengakibatkan kerugian kewangan yang besar dan menjejaskan kehidupan seseorang untuk jangka masa yang panjang.

		<ul style="list-style-type: none"> • Menyedari keperluan mempunyai perlindungan insurans/takaful untuk peristiwa yang menyebabkan kerugian kewangan yang besar. • Pertimbangkan manfaat insurans/takaful apabila risiko kewangan telah dikenal pasti.
iii.	Pengurusan risiko melalui insurans/takaful	<ul style="list-style-type: none"> • Kenali pelbagai jenis perlindungan dan produk yang ditawarkan oleh polisi insurans/takaful yang berbeza. • Menggalakkan peranan perlindungan insurans dan takaful yang boleh memenuhi keperluan pengurusan risiko individu dan orang tersayang. • Memilih perlindungan yang sesuai berdasarkan keadaan kewangan peribadi. • Sekiranya berlaku kerugian kewangan, buat tuntutan dengan penyedia insurans/takaful.

7. Format Video

- Durasi:** Antara 3 hingga 5 minit, termasuk tajuk.
- Format:** Definisi tinggi dengan format MP4. Aspek nisbah 16:9, dengan resolusi minima HD (1080 x 1920 px).
- Gaya:** Dokumentari, naratif (berskrip), drama pendek, animasi atau apa sahaja yang anda rasakan sesuai untuk menyampaikan cerita pengurusan kewangan anda.

8. Syarat Video

- Video perlu dirakam sama ada dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu atau dwibahasa.
- Video yang dihasilkan tidak pernah dihantar dalam sebarang pertandingan.
- Penyertaan yang dihantar hendaklah hasil karya asli Mahasiswa tanpa ada sebarang bahagian dalam video tersebut yang ditiru daripada hasil kerja orang lain.
- Video yang dihasilkan tidak mempromosikan sebarang produk atau perkhidmatan.
- Video yang dihasilkan hendaklah bebas daripada kandungan berunsur lucah, keganasan, perkauman, keagamaan, politik dan fitnah.
- Segala kos penghasilan video dan penyertaan Pertandingan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Mahasiswa.

9. Kriteria Penjurian

a) Tema dan Mesej Utama Video (40 markah)

i. Pembentangan

Adakah video meliputi topik pengurusan risiko kewangan peribadi?
Adakah jalan cerita video ini mempunyai turutan yang logik?

ii. Keberkesanan mesej yang disampaikan

Adakah mesej utama boleh dikenal pasti dalam video dan disampaikan dengan jelas? Adakah mesej yang disampaikan benar-benar meninggalkan kesan kepada penonton serta menarik?

iii. Memberikan impak ke arah perubahan

Adakah video yang dihasilkan memberi kesedaran kepada penonton untuk melakukan perubahan, menghebahkan mesej yang disampaikan dan menggalakkan orang lain untuk berubah?

b) Kreativiti dan Keaslian Karya (30 markah)

Video hendaklah merupakan hasil karya asli Mahasiswa berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian peribadi Mahasiswa. Video yang dihasilkan hendaklah menggambarkan dapatan daripada kajian Mahasiswa mengenai pengurusan risiko kewangan peribadi.

i. **Keaslian** - keunikan dan keaslian jalan cerita.

ii. **Kreativiti** - keberkesanan imaginasi dan kreativiti.

iii. **Plot** - aksi, peristiwa, konflik dan jalan penceritaan.

iv. **Kelancaran dan struktur** – kesesuaian aksi yang dipamerkan, kupasan plot, perkembangan karakter dan rangka video.

v. **Watak** – personaliti yang berketerampilan dan meyakinkan. Protagonis dan antagonis dengan matlamat yang jelas.

vi. **Nilai hiburan** - Adakah cerita itu menarik perhatian penonton, menghiburkan, menambat hati dan mengajak penonton untuk berfikir?

vii. **Dialog** – nada yang natural, tepat dan unik untuk setiap watak. Penggunaan bahasa yang mampu menonjolkan sesuatu watak untuk membawa jalan cerita, mahupun penggunaan dialog yang minimum tetapi efektif

c) Pengurusan Teknikal (30 markah)

Sejauh manakah video yang dihasilkan dari segi kesinambungan, masa, pengendalian kamera, kualiti bunyi, suntingan dan pematuhan pada had masa 3 - 5 minit?

i. **Videografi** - kualiti videografi yang dipersembahkan

ii. **Kualiti bunyi** - dialog hendaklah jelas dan tidak tenggelam dengan bunyi dan muzik latar.

iii. **Skor muzik** - skor muzik bersesuaian untuk membantu menyampaikan mesej dan karakter dalam video.

10. Pilihan Penonton - 'Likes' Terbanyak

- a) 13 video yang disenarai pendek akan diumumkan di Facebook dan Instagram #MyDuitStory.
- b) Mata akan diberikan berdasarkan kedudukan video yang ditentukan melalui jumlah 'Likes' atau 'Views' yang diterima.
- c) Pembelian digital **TIDAK** dibenarkan untuk meningkatkan promosi video di media sosial. Penyertaan akan terbatal serta merta sekiranya para Mahasiswa didapati melakukan pembelian digital.

11. Hadiah dan pengumuman pemenang

- Tempat Pertama: Wang tunai RM8,000
- Tempat Kedua: Wang tunai RM5,000
- Tempat Ketiga: Wang tunai RM3,000
- Hadiah Sagu Hati: Wang tunai RM1,000 x 10
- Universiti/Institut Pendidikan Guru dengan Penyertaan Tertinggi*: Wang tunai RM5,000 x 1
- Pilihan Penonton ('Likes' terbanyak): Wang tunai RM2,000

*dengan sekurang-kurangnya satu penyertaan berjaya disenarai pendek dalam 30 penyertaan teratas.

- a) Pemenang akan dimaklumkan sama ada menerusi telefon, e-mel, atau laman web, Facebook dan Instagram #MyDuitStory.
- b) Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun individu/salah seorang daripada Ahli Kumpulan (termasuk Ketua Kumpulan). Pemenang akan diminta untuk memberikan maklumat akaun yang akan digunakan untuk tujuan pembayaran hadiah wang tunai.

12. Hak Cipta dan Pemilikan

- a) **Hak Penganjur:** Video yang dihasilkan oleh pemenang akan menjadi hak eksklusif Penganjur untuk tujuan pendidikan dan promosi. Mahasiswa selanjutnya bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk menggunakan nama mereka untuk tujuan tersebut tetapi tidak tertakluk untuk berbuat demikian. Penganjur berhak untuk mengubah/melanjutkan tarikh Pertandingan atau membatalkan Pertandingan sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka.
- b) **Hak Cipta:** Dengan menyertai Pertandingan ini, Mahasiswa telah mengesahkan bahawa mereka adalah pemilik yang sah atau sebaliknya mempunyai hak harta intelek untuk menghantar bahan tersebut; dan oleh itu menjamin bahawa mereka telah memperoleh hak untuk memasukkan bahan hak cipta termasuk, tetapi tidak terhad kepada muzik, muzik latar, audio, grafik, gambar dan klip video yang digunakan dalam penyertaan video

mereka. Setiap penyertaan hendaklah tidak melanggar undang-undang dan hak pihak ketiga pada setiap masa.

- c) Dengan menghantar penyertaan anda untuk Peraduan ini, semua Mahasiswa bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek akan dimiliki oleh Penganjur. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, menyunting, mengubah suai dan menerbitkan penyertaan yang dihantar oleh semua Mahasiswa, menerbitkan nama Mahasiswa, dalam apa cara yang difikirkan sesuai untuk pengiklanan, perniagaan, tujuan promosi dan untuk tujuan lain sekalipun, tanpa sebarang notis lanjut kepada Mahasiswa dan Mahasiswa tidak boleh menuntut pemilikan atau sebarang bayaran atau pampasan ke atas bahan tersebut. Bagi mengelak keraguan, penyerahan tidak akan disunting untuk tujuan penghakiman.
- d) **Persetujuan Pelakon:** Setiap pelakon di dalam video hendaklah diberitahu tentang kemungkinan video yang dihasilkan akan diguna oleh Penganjur. Hal ini bagi mengelakkan sebarang isu royalti atau pampasan berkaitan penggunaan video tersebut oleh Penganjur dibangkitkan pada masa hadapan.
- e) **Had Tanggungan:** Penganjur dengan ini menafikan sebarang liabiliti yang mungkin timbul berkenaan Pertandingan ini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang penyertaan yang hilang atau rosak. Penyertaan akan terbatal secara automatik jika dokumen dan bahan yang dihantar tidak lengkap, tidak boleh dibaca, rosak atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Pertandingan yang dinyatakan di sini atau yang boleh mencemarkan nama baik Pertandingan. Penganjur berhak untuk membatalkan, menghentikan, mengubah atau melanjutkan tempoh Pertandingan pada bila-bila masa. Penganjur juga berhak membatalkan mana-mana video yang tidak menepati kualiti yang diingini atau tidak sesuai ditayangkan kepada umum. Segala keputusan pihak Penganjur adalah muktamad.

13. Akta Perlindungan Data Peribadi

- a) Mahasiswa bersetuju bahawa segala data peribadi termasuk nama dan nombor telefon yang diberikan kepada Penganjur akan direkod, disimpan atau diproses untuk tujuan pengurusan Pertandingan dan tujuan promosi, pemasaran atau perniagaan yang sah daripada segi undang-undang.
- b) Sebarang data peribadi yang dikemukakan dalam perenggan 13(a) boleh dikongsikan dengan ahli FEN selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- c) Permintaan untuk akses, pembetulan atau menghadkan pemprosesan data yang diberikan boleh dilakukan pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel kepada Penganjur di myduitstory.my@gmail.com. Dengan melengkapkan maklumat peribadi di website Pertandingan, Penganjur telah dianggap

mendapat keizinan Mahasiswa untuk memproses atau memindahkan (jika perlu) data peribadi yang diberikan.

14. Senarai Universiti

a) Institut Pengajian Tinggi Awam

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)
8. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
13. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
15. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
16. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
17. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
18. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

b) Institut Pengajian Tinggi Swasta

1. Al-Madinah International University (MEDIU)
2. Asia e University (AeU)
3. Asia Pacific University of Technology & Innovation (Asia Pasific UTI)
4. Binary University of Management & Entrepreneurship (BUME)
5. City University
6. DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia
7. Manipal GlobalNxt University (Universiti Manipal GlobalNxt)
8. International Medical University (IMU)
9. International University of Malaya - Wales (IUMW)
10. Malaysia University of Science and Technology (MUST)
11. Management and Science University (MSU)
12. Manipal International University (MIU), Malaysia
13. Meritus University
14. Perdana University
15. Quest International University Perak
16. Raffles University (RU)

17. Sunway University
18. UNITAR International University
19. Universiti AIMST (AIMST University)
20. Universiti Antarabangsa Albukhary (Albukhary International University)
21. Universiti Antarabangsa INTI (INTI International University)
22. Universiti HELP
23. Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
24. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
25. Universiti MAHSA (MAHSA University)
26. Universiti Metropolitan Asia (Asia Metropolitan University)
27. Universiti Multimedia
28. Universiti Nilai (Nilai University)
29. Universiti SEGi (SEGi University)
30. Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya
31. Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Shah Alam
32. Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
33. Universiti Taylor's (Taylor's University)
34. Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT)
35. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
36. Universiti Tenaga Nasional Kampus Putrajaya (UNITEN)
37. Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM)
38. Universiti Terbuka Wawasan (WOU)
39. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
40. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
41. Universiti UCSI (UCSI University)
42. Universiti UCSI (UCSI University), Kampus Terengganu
43. Universiti UCSI, Kampus Sarawak (UCSI University, Sarawak Campus)
44. University Malaysia of Computer Science and Engineering (Universiti Malaysia Sains Komputer dan Kejuruteraan)
45. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
46. Universiti Cyberjaya [University of Cyberjaya (UoC)]

c) Institut Pendidikan Guru

1. IPG Kampus Sarawak
2. IPG Kampus Tun Abdul Razak
3. IPG Kampus Batu Lintang
4. IPG Kampus Kent
5. IPG Kampus Gaya
6. IPG Kampus Tawau
7. IPG Kampus Keningau
8. IPG Kampus Bahasa Antarabangsa
9. IPG Kampus Pendidikan Teknik

10. IPG Kampus Ilmu Khas
11. IPG Kampus Bahasa Melayu
12. IPG Kampus Sultan Mizan
13. IPG Kampus Dato' Razali Ismail
14. IPG Kampus Perlis
15. IPG Kampus Tuanku Bainun
16. IPG Kampus Pulau Pinang
17. IPG Kampus Raja Melewar
18. IPG Kampus Perempuan Melayu
19. IPG Kampus Sultan Abdul Halim
20. IPG Kampus Darul Aman
21. IPG Kampus Tun Hussein Onn
22. IPG Kampus Temenggong Ibrahim
23. IPG Kampus Kota Bharu
24. IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan
25. IPG Kampus Pendidikan Islam
26. IPG Kampus Ipoh
27. IPG Kampus Rajang

MAKLUMAN: Memandangkan pandemik COVID-19, Mahasiswa digalakkan untuk menggunakan kreativiti bersesuaian dengan kekangan penjarakan sosial. Penganjur tidak menggalakkan Mahasiswa menghasilkan video dalam situasi berisiko tinggi, seperti di tempat awam yang sesak.